

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]
TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)**

SOALAN

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi membaik pulih padang Lawn Bowls Labuan memandangkan prasarana yang sedia ada sudah uzur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai makluman Yang Berhormat Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sedar akan pentingnya kewujudan Gelanggang Boling Padang Antarabangsa Labuan terhadap komuniti penggemar sukan tersebut di Labuan.

Sejak ianya siap dibina pada tahun 2007, Labuan telah berjaya melahirkan ramai atlit boling padang tempatan yang berjaya menyertai dan menjuarai pelbagai pertandingan di peringkat kebangsaan. Justeru itu, pihak Kementerian berpendapat kemudahan sukan ini harus dijaga dan diselenggara dengan baik bagi mengekalkan piawaian sebuah Gelanggang Boling Padang Antarabangsa.

SOALAN NO : 21

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pada tahun 2018 Kementerian telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM460,000.00 bagi kerja-kerja membaik pulih bumbung di gelanggang Boling Padang tersebut dan alhamdulillah kerja-kerja telah dilaksanakan dan siap sepenuhnya pada April 2018. Manakala kerja-kerja penyelenggaraan berskala kecil seperti membaik pulih jubin lantai, baik pulih pagar dan lain-lain turut dilaksanakan sepanjang tahun 2018 hinggalah 2019.

Perbadanan Labuan selaku agensi di bawah Kementerian yang diberi tanggungjawab untuk menyelaras dan menjaga kemudahan sukan tersebut juga telah menyenaraikan bentuk penyelenggaraan dan kerja baik pulih yang perlu dilaksanakan seperti berikut :-

- 1) Mengganti kerangka lantai dan lapisan *green* / karpet di gelanggang boling padang;
- 2) Membaik pulih kebocoran di bumbung utama, Pejabat Persatuan Lawn Bowls dan surau; dan
- 3) Membaik pulih dan mengganti jubin yang rosak di kawasan sekitar gelanggang.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian akan memberi perhatian yang sewajarnya terhadap perkara ini. Selain itu, Perbadanan Labuan juga akan mengambil tindakan untuk mengemukakan permohonan peruntukan secara *one-off* di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Manakala bagi kerja-kerja penyelenggaraan kecil boleh diteruskan secepat mungkin menggunakan peruntukan penyelenggaraan tahunan sedia ada.